

**UNDANG-UNDANG PERLANGGARAN ADAT DI MAHKAMAH ANAK NEGERI: KONFLIK PEMAKAIANNYA TERHADAP ORANG ISLAM DALAM KERANGKA PERUNDANGAN PLURAL DI SABAH**

Pg Ismail bin Pg Musa,<sup>1</sup>Siti Zubaidah binti Ismail<sup>2</sup>  
& Narizan Abdul Rahman<sup>3</sup>

**E-JITU**

Acceptance date:  
15 December 2019

Valuation date:  
15<sup>th</sup> Jan 2020

Publication date:  
6<sup>th</sup> May 2020

**ABSTRAK**

*Sistem perundangan plural di Sabah merangkumi sistem kehakiman sivil, kehakiman syariah dan kehakiman adat anak negeri dan orang Islam tertakluk kepada ketiga-tiga mahkamah tersebut. Senario ini berlaku kerana terdapat pertindihan peruntukan dan tiada garis panduan yang jelas untuk menangani isu pertindihan tersebut. Artikel ini merungkai senario ini dan kesannya kepada orang Islam dalam konteks pluralisme undang-undang di Sabah. Persoalan ini dijawab melalui penelitian fail kes dan temubual telah dilakukan di tiga buah Mahkamah Anak Negeri. Daripada 26 kes perlanggaran adat yang dikaji, terdapat 13 kes melibatkan orang Islam. Dapatan menunjukkan, senario ini mempunyai kesan positif seperti peluang mendapat ganti rugi dan alternatif terbaik dalam kes yang melibatkan orang bukan Islam. Di samping itu terdapat juga kesan negatif seperti risiko pendakwaan pelbagai dan isu hukum pengenaan sogit kepanasan kampung. Artikel ini boleh dimanfaatkan bagi memperkemas lagi pentadbiran undang-undang perlanggaran adat agar pengenaannya kepada orang Islam tidak membawa kemudharatan.*

**Kata Kunci:** Mahkamah Anak Negeri, Mahkamah Syariah, Perlanggaran adat anak negeri, *sogit*, Pluralisme undang-undang

<sup>1</sup> Calon PhD di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.pgismailpgmusa@gmail.com

<sup>2</sup> Prof. Madya di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. szubaida@um.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya izan@um.edu.my

## PENDAHULUAN

Lanskap perundangan plural di Sabah adalah kompleks berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dengan kewujudan Mahkamah Anak Negeri (MAN) sebagai mahkamah adat. MAN adalah legasi pluralisme undang-undang anak negeri Sabah yang telahpun wujud sebelum era kolonial lagi (1881-1963) berikutan kepelbagai etnik dan kepercayaan di Sabah (M.B Hooker:1980, Herman J. Luping:2009). Setelah menyertai Malaysia pada tahun 1963, kedudukan MAN diperkukuhkan dengan penambahan Senarai 2A- Senarai Dua Jadual Sembilan-Senarai Tambahan Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Perlembagaan Persekutuan (Sukumaran Vanugopal:2013). Dalam Senarai tersebut, MAN berbidangkuasa ke atas anak negeri Sabah dalam hal ehwal adat istiadat anak negeri yang menyentuh undang-undang peribadi termasuklah peruntukan berkenaan pelanggaran adat anak negeri yang melibatkan orang Islam. Dalam masa yang sama, orang Islam juga tertakluk kepada Mahkamah Syariah termasuklah dalam hal ehwal kesalahan yang berkaitan dengan agama Islam (Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail, Narizan Abdul Rahman:2018). Oleh kerana itu. Konflik perundangan boleh berlaku kerana terdapat pertindihan bidangkuasa mahkamah dan tidak ada garis panduan yang jelas membataskan bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah itu (P.R Phealan: 2003, Shaifuddin haji Daud: 2010).

Pada tahun 1984 contohnya, pendekatan Mahkamah Rayuan Anak Negeri dalam kes *Sagumar lwn Kui Chin* [1984] 2 MLJ 63, menunjukkan peraturan undang-undang yang ada menjadi tidak efektif. Mahkamah Rayuan Anak Negeri memutuskan MAN boleh mendengar dan memutuskan kes persetubuhan haram yang melibatkan orang Islam di bawah premis undang-undang adat. Ini kerana kesalahan tersebut bukanlah kesalahan persetubuhan haram yang diperuntukan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977. Pendekatan ini bukanlah suatu yang menghairankan kerana berdasarkan kajian Shaipuddin Haji Daud, MAN mempunyai pendirian yang jelas berkenaan isu ini; adat adalah adat dan tidak mempunyai hubungan dengan agama (Shaipuddin Daud: 2010). Kes ini menunjukkan, orang Islam boleh didakwa di MAN atau di Mahkamah Syariah untuk kesalahan persetubuhan haram.

Isu pertindihan bidangkuasa ini menjadi kompleks dalam kes *Rezuan Masmud lwn Pendakwa Raya* [2015]1 LNS 449. Dalam kes tersebut, tertuduh telah didakwa di Mahkamah Seksyen Kota Kinabalu atas kesalahan rogol bawah umur di bawah Kanun Keseksaan. Semasa prosiding berjalan di Mahkamah Seksyen, satu penyelesaian di luar Mahkamah telah berlaku di antara tertuduh dengan ahli keluarga kanak-kanak perempuan tersebut dengan denda adat atau *sogit* sebanyak RM 5,000.00 di hadapan ketua kampung. Mantan Peguam Negara Tan Sri Ghani Patail menjelaskan bahawa pendakwaan kes tersebut tidak pernah diberhentikan dan apa yang berlaku di Mahkamah Anak Negeri akan dikaji. Selain daripada itu,

Mantan Peguam Besar Negeri Sabah, Datuk Mariati Roberts menggesa tertuduh juga wajar didakwa di Mahkamah Syariah atas pertuduhan zina (MalaysiaKini: 2013). Persoalannya, apakah pertindihan yang berlaku juga bermaksud orang Islam boleh didakwa di mahkamah yang lain untuk satu perbuatan salah yang sama. Artikel ini merungkai senario ini dan kesannya terhadap orang Islam dalam konteks pluralisme undang-undang di Sabah

### **PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG ADAT ANAK NEGERI SABAH: SEKILAS PANDANG**

Menurut Ramy Bulan, undang-undang adat adalah peraturan dan amalan yang telah lama wujud dan masyarakat sepakat menerimanya (*tacit consensus*) sebagai norma yang mentadbir hubungan inter-personal dalam sesebuah masyarakat yang bermanfaat bagi mengujudkan keharmonian hidup bermasyarakat (Ramy Bulan: 2014). Dalam kebanyakan sistem perundangan didunia, adat adalah sebahagian daripada perbincangan undang-undang peribadi iaitu undang-undang yang hanya terpakai bagi sesebuah masyarakat sama ada kerana identiti agama atau bangsa (M.B Hooker: 1980). Dalam konteks negara moden, adat yang boleh dijadikan undang-undang adalah adat yang diiktiraf oleh pemerintah atau Mahkamah (*opinion juris*) (Theodor Meron: 1987).

Menurut sarjana kolonial, sebelum penguasaan Syarikat Berpiagam British Borneo Utara (SBBBU) pada tahun 1881, terdapat dua premis undang-undang yang wujud di Sabah iaitu undang-undang adat pagan dan undang-undang Islam (Owen Rutter: 1922, Tregonning: 2007). Undang-undang adat tersebut banyak dipengaruhi oleh sistem sosial dan politik masyarakat anak negeri (Mosli Tarsat: 2009). Bagi masyarakat yang tinggal di persisir pantai barat dan timur Sabah, undang-undang mereka adalah undang-undang Islam dibawah Kesultanan Brunei dan Sulu. Bagi etnik Sabah yang tinggal di Pedalaman Sabah, mereka mengamalkan kepercayaan animisme dan adat istiadat mengikut amalan setempat mereka (M.B Hooker: 1980, Haji Saiffuddin Haji Daud: 2010, Herman Luping: 2008, Owen Rutter:1922). Kedudukan undang-undang adat dan Islam telah diiktiraf oleh SBBBU sebagai *lex loci* dan ditadbir sebagai undang-undang peribadi anak negeri Sabah (M.B Hooker: 1980, 1976).

Satu-satunya koleksi undang-undang substantif berkenaan undang-undang adat anak negeri Sabah yang dicetak oleh SBBBU ialah Tujuh Buletin Wolley pada tahun 1936-1939. Koleksi tersebut menyentuh adat istiadat masyarakat anak negeri daripada etnik Dusun, Murut dan Rungus dan beberapa sub-etnik yang kebanyakannya tidak mempunyai agama (*pagan*) pada ketika itu. Antara perkara yang disentuh ialah hal ehwal matrimonial, pembahagian harta dan pelanggaran adat. Pelanggaran adat yang banyak disentuh ialah persetubuhan haram, pikatan dan kesalahan matrimonial. Koleksi ini tidak diwartakan sebagai undang-undang

subsidiari kerana dasar SBBBU ketika itu ialah tidak campur tangan dengan undang-undang peribadi anak negeri (Danny Wong Tze Ken: 2009).

Walaupun SBBBU mengambil dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal undang-undang peribadi anak negeri, SBBBU telah membuat beberapa reformasi dalam pentadbiran undang-undang adat anak negeri di Sabah. Antaranya ialah penubuhan MAN pada tahun 1913. Selain daripada itu, beberapa undang-undang telah digubal yang merangkumi pendaftaran tanah, tafsiran anak negeri, pentadbiran MAN dan proses mahkamah. SBBBU telah mentadbir undang-undang Islam dan undang-undang adat di bawah satu Mahkamah yang sama iaitu MAN. Terdapat usaha SBBBU untuk mengasingkan pentadbiran undang-undang Islam daripada undang-undang adat pada tahun 1902 dan 1914. Namun, pada tahun 1937, Ordinan Orang-Orang Islam 1914 telah dimansuhkan dan ditadbir di bawah Ordinan Pentadbiran Kampung 1937. Oleh yang demikian, sejak MAN ditubuhkan pada tahun 1913 hinggalah penubuhan Mahkamah Syariah pada tahun 1977, undang-undang adat masyarakat pagan dan undang-undang Islam ditadbir sebagai undang-undang adat di MAN. Kerana itu menurut P.R Phealan, setelah Mahkamah Syariah ditubuhkan, orang Islam keliru sama ada mahu memfailkan kes mereka di Mahkamah Syariah ataupun di MAN (P.R Phealan:2008). Di samping itu, MAN juga berpendirian untuk terus mendengar kes pelanggaran adat walaupun ada peruntukannya telah menjadi bidangkuasa Mahkamah Syariah (Shaipuddin Daud: 2010).

### **UNDANG-UNDANG PERLANGGARAN ADAT DAN PENTADBIRANNYA DI MAHKAMAH ANAK NEGERI**

Melalui Senarai 2A- Senarai Dua Jadual Sembilan-Senarai Tambahan Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Perlembagaan Persekutuan, Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992 (EMANS 1992) digubal dan merupakan undang-undang induk pentadbiran undang-undang adat di Sabah. Bidang kuasa MAN diperuntukkan dalam seksyen 6(1) EMANS 1992

*6(1) Tiap-tiap Mahkamah Anak Negeri hendaklah menjalankan bidangkuasa asal setakat yang dinyatakan dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini untuk mendengar, membicarakan, memutuskan dan melupuskan kes-kes berikut;*

*(a) kes-kes yang timbul daripada pelanggaran undang-undang atau adat anak negeri yang semua pihaknya adalah anak negeri;*

*(b) kes-kes yang timbul daripada pelanggaran undang-undang atau adat anak negeri, daripada segi agama, perkahwinan atau seksual, jika izin bertulis Pegawai Daerah yang bertindak atas nasihat dua orang Ketua Anak Negeri telah didapatkan*

*bagi memulakan prosiding jika satu pihaknya adalah bukan anak negeri;*

*(c) kes-kes melibatkan undang-undang atau adat anak negeri berhubung dengan-*

*(i) pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan, dan pemisah kehakiman;*

*(ii) pengambilan anak angkat, penjagaan dan jagaan budak, nafkah tanggungan dan keesahan;*

*(iii) hadiah atau perwarisan dengan wasiat atau tak berwasiat; dan*

*(d) kes-kes lain jika bidangkuasa diberikan kepadanya oleh Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.*

Selain berbidangkuasa dalam perkara yang melibatkan hal ehwal matrimonial dan pentadbiran anak negeri, seksyen 6(1)(b) memperuntukkan berkenaan pelanggaran adat. Walaupun demikian, bukan semua adat yang boleh dikuatkuasakan sebagai undang-undang. Prinsip ini diambil dalam kes *Haji Laungan Tarki Mohd Noor Lwn Mahkamah Anak Negeri Penampang* [1988] 2 MLJ 85. Undang-undang adat yang dikuatkuasakan mestilah adat yang diwartakan atau diiktiraf oleh Mahkamah sebagai undang-undang adat. Prinsip yang sama digunakan dalam kes *Sukma Darmawaan Susmitaat lwn Pengarah Penjara Malaysia dll* [1999] 2 MLJ 241 berkenaan peruntukan liwat di antara Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 (Akta 559). Prinsip ini selaras dengan Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang adat yang boleh dikuatkuasakan di Malaysia mestilah ditentukan sama ada oleh pihak kehakiman, legaslatif ataupun eksekutif.

“Undang-undang” termasuklah undang-undang bertulis, common law setakat mana ianya berkuatkuasa dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, dan apa-apa adat atau kelaziman yang **mempunyai kuatkuasa undang-undang** dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya;”

Berdasarkan kepada keperluan ini, Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995 telah digubal yang memperuntukkan perbuatan yang dikategorikan sebagai pelanggaran adat. Terdapat 55 jenis pelanggaran adat yang diperuntukan yang merangkumi 7 Bahagian iaitu, i) serangan, hentaman dan kelakuan mengancam (4 kaedah), ii) kesalahan seksual (4 kaedah), iii) perkahwinan, pertunangan dan pikatan (8 kaedah), iv) tanah perkuburan dan kematian (10 kaedah), v) perangai buruk melampau, kelucahan dan khianat (22 kaedah), vi) mungkir janji (1 kaedah), vii) kelahiran dan pantang adat (3 kaedah). Daripada 55 pelanggaran adat tersebut, terdapat 17 peruntukan Kaedah

pelanggaran adat yang bertindih dengan peruntukan Kanun Keseksaan, 10 peruntukan kaedah bertindih dengan Undang-undang kesalahan jenayah syariah dan 4 kaedah yang bertindih dengan kedua-dua Mahkamah Sivil dan Syariah. Jadual 1 menunjukkan senarai kesalahan adat yang mempunyai peruntukan yang serupa dengan peruntukan kesalahan Jenayah Syariah dan Kanun Keseksaan.

Jadual 1 : Kesalahan Pelanggaran Adat di dalam dan perbandingannya dengan peruntukan kesalahan dan jenayah di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

BI L	MAHKAMAH ANAK NEGERI	MAHKAMAH SYARIAH	MAHKAMAH SIVIL
1	Kaedah 4: Menyebabkan kecederaan	tiada	Seksyen 321 Kanun Keseksaan: Dengan sengaja menyebabkan cedera
2	Kaedah 5: Ancaman	tiada	Seksyen 503 Kanun Keseksaan: Kesalahan menakutkan secara jenayah
3	Kaedah 6: Bangkitan Marah	tiada	Seksyen 504 Kanun Keseksaan: Dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkanpecah keamanan
4	Kaedah 8: Perbuatan sumbang kadim (adat <i>sumbang</i> ).	Seksyen 78 EKJS 1995: Perbuatan sumbang	Seksyen 376A Kanun Keseksaan: Sumbang mahram
5	Kaedah 9: Persetubuhan di antara sanak saudara.	Seksyen 78 EKJS 1995: Perbuatan sumbang	Seksyen 376A Kanun Keseksaan: Sumbang mahram
6	Kaedah10: Persetubuhan haram di antara orang-orang yang belum berkahwin ( <i>mianu-anu</i> )	Seksyen 80 EKJS 1995: Persetubuhan haram	tiada
7	Kaedah 11: Persetubuhan haram di ladang atau sawah ( <i>mianu-anu</i> )	Seksyen 80 EKJS 1995: Persetubuhan haram	tiada
8	Kaedah 13: Penamatan pertunangan	Seksyen 67 EKJS 1995: Mungkir tunangan	tiada

9	Kaedah 15: persetubuhan haram oleh orang yang bertunang.	Seksyen 80 EKJS 1995: Persetubuhan haram	tiada
10	Kaedah 20: Perkahwinan bigami atau poligami	tiada	Seksyen 494 Kanun Keseksaan: Bigami
11	Kaedah 21: Memikat anak dara orang lain	Seksyen 87: Melarikan anak dara orang	tiada
12	Kaedah 24: Mengali kubur	tiada	Seksyen 297 Kanun Keseksaan: Pencerobohan ditempat- tempat perkuburan
13	Kaedah 26: membakar kubur dengan tanpa sengaja	tiada	Seksyen 297 Kanun Keseksaan: Pencerobohan ditempat- tempat perkuburan
14	Kaedah 27: Kerosakan pada kubur	tiada	Seksyen 297 Kanun Keseksaan: Pencerobohan ditempat- tempat perkuburan
15	Kaedah 25: Membakar kubur tanpa sebab munasabah	tiada	Seksyen 297 Kanun Keseksaan: Pencerobohan ditempat- tempat perkuburan
16	Kaedah 25: Membakar kubur tanpa sebab munasabah	tiada	Seksyen 297 Kanun Keseksaan: Pencerobohan ditempat- tempat perkuburan
17	Kaedah 28: Gangguan kepada kubur	tiada	Seksyen 297 Kanun Keseksaan: Pencerobohan ditempat- tempat perkuburan
18	Kaedah 33: Serangan lucah	tiada	Seksyen 377D Kanun Keseksaan: Melanggar kesopanan
19	Kaedah 34: Pendedahan lucah	tiada	Seksyen 377D Kanun Keseksaan : Melanggar kesopanan
20	Kaedah 35: Perkataan, bunyi atau isyarat lucah	Seksyen 100: Mengacau	tiada

21	Kaedah 36: Perkataan atau isyarat memfitnah	Seksyen 66 EKJS 1995: Fitnah	tiada
22	Kaedah 37: Menyebarkan khabar angin	Seksyen 66 EKJS 1995: Fitnah	Seksyen 499 Kanun Keseksaan: Fitnah
23	Kaedah 40: Pencemaran sumber air.	tiada	Seksyen 277 Kanun Keseksaan: Mengotorkan air sesuatu mata air atau kolam air awam
24	Kaedah 48: Tanggungjawab terhadap kerosakan oleh binatang	tiada	Seksyen 289 kanun Keseksaan: Kecuaian berkenaan dengan haiwan

Sumber: Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1996 dan 2004 dan Kanun Keseksaan.

Bagi mengelakkan berlaku konflik dalam pentadbiran undang-undang peribadi masyarakat anak negeri Sabah yang beragama Islam, seksyen 9 EMAN 1992 telah mengecualikan pemakaian EMAN 1992 kepada Anak Negeri Sabah yang beragama Islam dalam hal ehwal yang menjadi bidangkuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil;

*“Mahkamah Anak Negeri hendaklah tidak mempunyai bidangkuasa dalam apa-apa perkara yang menjadi bidang kuasa Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil”.*

Persoalannya, masih terdapat kes orang Islam didengar di Mahkamah Anak Negeri walaupun dalam perkara yang menjadi bidangkuasa Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Ini menunjukkan, peraturan undang-undang yang ada tidak begitu efektif untuk mengelakkan konflik pertindihan bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah di Sabah. Orang Islam di Sabah adalah kumpulan berisiko untuk tertakluk kepada ketiga-tiga Mahkamah tersebut kerana menjadi seorang Islam tidak melucutkan status mereka sebagai anak negeri di Sabah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Objektif dan persoalan dalam artikel ini dijawab melalui kaedah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual dan kajian fail kes di tiga MAN yang terpilih. Sebanyak 26 kes pelanggaran adat telah dipilih melalui persampelan secara bertujuan dan 13 kes daripanya melibatkan orang Islam. Temubual separa



berstruktur juga telah dijalankan terhadap pegawai-pegawai yang terlibat langsung dengan pentadbiran undang-undang adat di MAN. Data tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

### ANALISIS SAMPEL KES: PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG PERLANGGARAN ADAT TERHADAP ORANG ISLAM

Daripada 26 kes pelanggaran adat yang dikaji, terdapat 13 kes melibatkan Orang Islam. Kesalahan zina atau persetubuhan haram merupakan kes yang paling banyak dibicarakan dan diputuskan iaitu sebanyak lapan kes. Seterusnya kes melarikan isteri orang, melarikan anak dara orang, mungkir janji dan merosakkan sawah. Sampel kes tersebut menunjukkan, terdapat tiga senario kedudukan orang Islam dalam kes pelanggaran adat di Mahkamah Anak Negeri seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 iaitu boleh bertindak sebagai plaintif atau responden terhadap orang bukan Islam atau orang Islam.

**Jadual 2: Ringkasan Sampel Kes**

BIL	NOM KES	KAEDAH	PENALTI
1	A-119/16 Penampang  P: Bukan Islam D1: Isteri P dan bukan Islam D2: Islam	10- persetubuhan haram	D1 dan D2 1. <i>sogit</i> dua ekor ternakan bernilai RM 5000.00, dan 2. ternakan untuk <i>sogit</i> kepanasan kampung bernilai RM 2,500.00, dan 3. denda RM RM1,500.00, dan 4. <i>sogit</i> untuk tiga orang anak P dan D1 setiap satu seekor babi RM 500.00
		18- melarikan isteri orang	D2 1. <i>sogit</i> tiga ekor ternakan kepada P bernilai RM 7,500.00
2	301/2013 Keningau  P dan D: Islam	16- persetubuhan haram	D 1. <i>Sogit</i> seekor lembu dengan nilai RM 2,500.00, dan 2. Denda RM 500.00
3	0036/2015 Keningau  P Islam D bukan Islam	53-mungkir janji (tidak membayar tunggakan kereta)	Tiada maklumat
4	J-102/16 Penampang	10- persetubuhan haram	D1:

			<p>1. <i>sogit</i> 2 ekor ternakan bernilai RM 5,000.00,                  2. seekor ternakan untuk <i>sogit</i> kepanasan kampung bernilai RM 2,500.00                  3. penalti RM 800.00.</p> <p>D2:                  1. denda RM 700.00</p>
5	56/2014 Penampang	10- persetubuhan haram	Kes ditutup
6	391/2011 Penampang	10- persetubuhan haram	Tiada maklumat tetapi kes telah selesai
7	388/2012 Penampang	53- mungkir janji (gagal memberikan berian perkahwinan)	D telah diarah membayar berian sebanyak RM 5,000.00 dan tiada denda lain dikenakan.
8	275/2011 Penampang	10- Persetubuhan haram 21 -melarikan anak dara	D1 diarah membayar <i>sogit</i> kepanasan kampung sebanyak RM1,500.00 penalti RM 1,000.00 D2 diarah membayar <i>sogit</i> RM 3,000.00 dan penalti RM 500.00
9	0105/2015 Keningau	33- Mencederakan	Penyelesaian tidak direkodkan dalam fail kes
10	0257/2015 Keningau	33- Mencedarakan	<i>Sogit</i> 1 ekor kambing dengan berat 30Kg
11	495/2014 Keningau	49- Merosakan sawah	<i>Sogit</i> babas seekor babi bernilai RM 500.00 kerana membunuh binatang ternakan. P pula dikenakan gantirugi membaiki pagar sebanyak RM382.00
12	0125/2015	10- Persetubuhan haram	Selesai tetapi tiada maklumat lanjut
13	391/2011	10- Persetubuhan haram	Selesai tetapi tiada maklumat lanjut

Sumber: sampel kes

Kes **A-119/16** di Mahkamah Anak Negeri Penampang contohnya, plaintif adalah suami kepada responden kedua, manakala responden pertama iaitu seorang lelaki beragama Islam. Plaintif telah memfailkan saman *sogit mianu-anu* (persetubuhan haram) keatas kedua-dua responden di bawah Kaedah 10 dan juga kesalahan pelanggaran adat melarikan dan memikat isteri orang ke atas responden

pertama di bawah Kaedah 18. Plaintiff telah mendakwa responden pertama mempunyai hubungan sulit dengan isterinya. Kedua-dua responden telah tinggal bersama-sama di rumah kediaman responden pertama di Kudat. Responden pertama membuat pengakuan salah atas kedua-dua aduan. Responden kedua juga telah mengaku salah atas aduan plaintiff di bawah Kaedah 10. Kedua-dua responden telah dijatuhkan hukuman denda adat *sogit kepanasan kampung* berupa ternakan yang bernilai RM2,500.00, *sogit mianu-anu* kepada plaintiff berupa dua ekor ternakan yang bernilai RM 5,000.00, denda kepada Mahkamah berjumlah RM 1,500.00 dan *sogit keatas* tiga orang anak plaintiff berupa seekor babi setiap seorang dengan nilai RM 500.00 bagi pelanggaran adat Kaedah 10. Keseluruhan denda bagi aduan di bawah Kaedah 10 ialah RM 9,500.00 dan perlu dibayar secara bersama oleh responden pertama dan kedua. Sementara itu, untuk aduan kedua di bawah Kaedah 18, responden pertama telah diarah membayar dengan adat berbentuk *sogit* tiga ekor ternakan kepada plaintiff dengan jumlah RM 7,500.00.

Satu lagi contoh kes yang melibatkan kes persetubuhan haram boleh dilihat dalam kes **301/2013**. Plaintiff dan responden adalah suami isteri adalah etnik Dusun dan beragama Islam. Plaintiff telah memfailkan aduan berkenaan suaminya (responden) mempunyai hubungan dengan perempuan lain yang juga beragama Islam. Plaintiff telah mengemukakan kepada Mahkamah salinan gambar bogel responden dan perempuan yang dimaksudkan yang telah dicetak daripada telefon bimbit plaintiff. Responden menyatakan bahawa gambar tersebut adalah fitnah, namun Mahkamah telah menerima bahan bukti tersebut dan telah mensabitkan responden. Responden telah disabitkan pelanggaran persetubuhan haram (*mainu-anu*) dan dijatuhkan denda sebanyak RM 500.00 dan juga denda adat iaitu *sogit* seekor lembu dua kali beradik atau yang bernilai RM 2,500.00.

Berdasarkan dua contoh kes ini, tidak terdapat perbezaan elemen persetubuhan haram dibawah premis adat dan premis undang-undang Syariah. Oleh seksyen 9 EMANS 1992 sukar untuk diaplikasikan. Dalam satu temubual yang dijalankan di MAN Penampang, responden menjelaskan seperti berikut;

*“ disini (Mahkamah Anak Negeri) semua kes berkait adat dan tiada kaitan dengan agama. Pasal itu orang Islam boleh failkan kes di sini (Mahkamah Anak Negeri) kalau berkaitan dengan adat...”*

Ini menimbulkan persoalan apakah pendakwaan pelbagai terhadap orang Islam satu pendakwaan berulang (double jeopardy) dalam konteks sistem perundangan plural di Sabah. Pegawai yang ditemubual di Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah menyatakan berikut;

*“perlanggaran adat di Mahkamah Anak Negeri bukannya kesalahan jenayah. That why kita panggil dia “breach” of adat bukan offence.*

*Kalau kita letak offence dia akan bertindih dengan Kanun Keseksaan. Ini kerana matlamat di mahkamah Anak Negeri bukanlah untuk menghukum tapi untuk reconcile dan finding settlement atas kerosoakan yang berlaku. So tidak ada isu double jeopardy kalau orang Islam didakwa di Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Sivil atas kesalahan yang sama.”*

Pandangan ini sesuai dengan pemakaian doktrin double jeopardy di Malaysia seperti yang dibincangkan oleh Shad Saleem Faruqi (2008). Menurut beliau terdapat beberapa pengecualian yang menyebabkan perbuatan percabangan berulang tersebut tidak terjumlah kepada pelanggaran Perkara 7 Perlembagaan. Pengecualian tersebut berkaitan dengan isu-isu teknikal yang antara lain kerana pendakwaan berulang tersebut disebabkan oleh kesalahan yang berbeza (Shad Saleem Faruqi: 2008). Dalam kes *Jamali Adnan lwn PP* [1986]1 MLJ 163, kesalahan yang berbeza merujuk kepada kesalahan yang mempunyai elemen yang tidak sama. Berdasarkan kepada temubual kajian ini dan juga prinsip pendakwaan berulang di Malaysia, pendakwaan pelbagai dalam konteks ini bukanlah pendakwaan berulang. Ini kerana, peruntukan-peruntukan tersebut digubal dalam premis undang-undang yang berbeza dan pelanggaran adat di Mahkamah Anak Negeri bukanlah satu prosiding jenayah.

Selain daripada isu risiko pendakwaan pelbagai, pengenaan *Sogit kepanasan kampung* keatas orang Islam iaitu *sogit* yang mempunyai elemen spiritual masyarakat pagan Kadazandusun telah menimbulkan isu hukum. Berdasarkan sampel kes yang dikaji terdapat orang Islam yang dikenakan *sogit kepanasan kampung* atas pelanggaran adat yang mereka lakukan. *Sogit* diambil daripada perkataan Dusun *osugit* yang bermaksud menyejukkan. Secara literal *sogit* bermaksud ganti rugi penyejuk dengan cara mengorbankan haiwan untuk menghindarkan kuasa ghaib (Hanafi Husin: 2007). Satu contoh amalan *sogit* bagi kesalahan berkahwin dengan sepupu yang terdekat atau persetubuhan haram ialah mereka mesti membayar *sogit* tiga ekor kerbau dan dihalau dari kampung tersebut selama-lamanya. Sekiranya *sogit* tersebut tidak diberikan, roh jahat akan mengganggu pasangan tersebut serta membawa kerosakan kepada ternakan, tanaman dan kesihatan penduduk kampung tersebut (Low Kok On, 2003). Mengulas perkara ini, Pegawai MAN Penampang menjelaskan;

*‘sogit kepanasan kampung adalah kepercayaan nenek moyang dulu-dulu. Mesti bagi pasal mau bagi sajuk (sejuk) kampung bila ada orang langgar adat. Ketua kampung atau pemimpin kampung yang akan jalankan upacara sogit tu. Dia akan panggil semua penduduk kampung kemudian dia akan bagitau yang penyembelihan binatang tu adalah sogit kepanasan kampung akibat pelanggaran adat si*

*anu bin sianu. Daging sembelihan tu kemudiannya mesti diagihkan kepada setiap keluarga di kampung tu”*

Berdasarkan Jadual 2, *sogit kepanasan kampung* adalah keutamaan MAN dalam menjatuhkan hukuman terutamanya dalam kes persetubuhan haram yang ada melibatkan orang Islam. Sekiranya pesalah tidak dapat memberikan *sogit kepanasan kampung*, maka, pesalah akan dikenakan penalti ataupun penjara.

Dari prespektif yang lain, pemakaian undang-undang adat terhadap orang Islam juga memberikan manfaat seperti mendapat gantirugi atas kerosakan yang berlaku. Ini sesuai dengan pendekatan sistem pengadilan adat yang bermatlamat untuk mencapai perdamaian melalui pendekatan pengadilan restoratif (Ramy Bulan: 2014). Manfaat ini tidak diperolehi daripada sistem pengadilan retributif yang mengutamakan hukuman keatas pesalah yang diamalkan di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Selain daripada, kesalahan yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam dapat diselesaikan di MAN. Ini kerana bidangkuasa MAN adalah meliputi orang Islam dan bukan Islam yang tinggal di Sabah termasuklah bukan anak negeri.

## **PENUTUP**

Pendakwaan terhadap orang Islam bagi kes perlanggaran adat di MAN bukanlah suatu yang boleh dielakkan dalam konteks perundangan plural di Sabah. Ini kerana terdapat pertindihan peruntukan dan bidangkuasa di antara MAN dan Mahkamah Syariah. Pertindihan ini sukar untuk ditangani kerana MAN mempunyai satu pendirian iaitu “adat adalah adat, tidak mempunyai kaitan dengan agama”. Ini menyebabkan orang Islam berisiko untuk didakwa di MAN dan Mahkamah Syariah dan juga mungkin di Mahkamah Sivil. Walaupun demikian, pemakaian undang-undang adat juga membawa kebaikan kepada orang Islam seperti mendapat gantirugi dan mudah mendakwa sekiranya kes berkenaan melibatkan orang bukan Islam.

Bagi menangani masalah-masalah yang berlaku akibat pertindihan ini, dicadangkan pemberian sanksi untuk mendakwa bukan anak negeri Sabah daripada pegawai daerah juga diaplikasikan kepada orang Islam. Cadangan peruntukan ini tidak dapat menghalang pendakwaan pelbagai terhadap orang Islam sepenuhnya, namun melalui peruntukan ini, pendakwaan terhadap orang Islam akan dijalankan dengan lebih berhati-hati. Di samping itu, cadangan peruntukan ini boleh memberikan ruang kepada pegawai daerah dan agensi-agensi lain yang berkaitan seperti JHEAINS untuk membuat sebarang persefahaman berkenaan pendakwaan terhadap orang Islam di MAN.

Berkenaan isu pengenaan *sogit kepanasan kampung* pula, satu fatwa perlu dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Negeri Sabah bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat berkenaan amalan *sogit* di MAN dan hukum pengenaannya kepada anak negeri yang beragama Islam. Mengeluarkan fatwa dan *irsyad* bagi mengaturkan urusan agama orang Islam di Sabah bukanlah suatu yang baharu dalam luar biasa di Malaysia demi kemaslahatan orang Islam terutamanya dalam perkara-perka yang melibatkan akidah. Di MAN satu kaedah perlu dibuat bagi menggantikan *sogit* kepanasan kampung seperti menambah jumlah denda kepada pihak yang beragama Islam atau mengecualikannya langsung daripada dikenakan kepada orang Islam. Dalam hal ini, satu kajian lanjut dan mendalam perlu dilakukan sama ada oleh Pejabat Mufti atau MHEANS bagi memastikan pemakaian *sogit* sesuai dengan hukum syarak dan realiti proses Mahkamah di MAN.

## **RUJUKAN**

- Danny Wong Tze Ken (2009): Woolley and The Codification of Native Customs in Sabah. *New Zealand Journal of Asian Studies* (11): 87-10.7
- Haji Saif @ Shaiffudin Haji Daud (2010). *Transformasi Sosial Menerusi Islamisasi Di Kalangan Orang Dusun Di Ranau, Sabah*. Kota Kinabalu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Herman J. Luping (2009). "*Indigenous Ethnic Cummunities of Sabah, The KadazanDusun*". Kuala Lumpur: KementerianMaklumat, Komunikasi, dan Kebudayaan Malaysia.
- Hussin, Hanapi. (2007). "Worldview dan Amalan: Pengalaman Kadazan Dataran Penampang Sabah." *Borneo Research Journal*: 7-29.
- Meron, T. (1987). "The Geneva Convention As Customary Law." *American Journal of International Law* **81**: 348-370.
- M.B Hooker (1980). "*Native Law in Sabah And Sarawak*" Singapore: Malayan Law Journal
- M.B Hooker (1976). "*The Personal Laws of Malaysia, An Introduction*". Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Mosli Tarsat (2009). "Kerelevanan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah." *Sosiohumanika* **2**(2): 227-251
- Owen, Rutter. (1922). *The Pagans of North Borneo*. London, Hutchinson.
- Peter R. Phelan., (2003). "*The Traditional Legal System of Sabah*". Kota Kinabalu, Malaysia: Pusat Kajian Borneo Yayasan Sabah
- Pg Ismail Pg Musa & Siti Zubaidah Ismail (2015) Permohonan Keluar Islam: kajian di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. *Jurnal Syariah* (23)1

- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail Dan Narizan Abdul Rahman (2018) Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam Di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari Perspektif Hukum. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* (19) 1-17
- Ramy Bulan (2014). Dispute Resolution: Restorative Justice Under Native Customary Justice in Malaysia. *Indigenous Peoples' Acces, Including Truth and Reconciliation Process*. New York, Institute For The Study of Human Rights, Colombia University.: 319-343.
- Ramy Bulan (2014). Dispute Resolution: Restorative Justice Under Native Customary Justice in Malaysia. *Indigenous Peoples' Acces, Including Truth and Reconciliation Process*. New York, Institute For The Study of Human Rights, Colombia University.: 319-343.
- Shad Saleem Faruqi (2008). “*Document of Destiny, The Constituton of The Federation of Malaysia*”.Petaling Jaya, Malaysia: STAR Publication (Malaysia) Bhd.
- Vanugopal, S. (2013). *The Constitutional Rights of Sabah and Sarawak*. Rawang, Selangor Darul Ehsan, Sweet & Maxweel Asia and Thomson Reuters.